

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

## EDITORIAL BOARD

### **PATRON**

Prof. Dr. Yamin Yasin

### **COORDINATOR**

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### **CHIEF EDITOR**

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### **EDITORIAL COMMITTEE**

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

13 Januari 2023 secara bersemuka di Dewan Kuliah (LT200) UiTM Kampus Kuala Pilah. Majlis Penutup Festival Bahasa 6.0 tersebut telah dijalankan dengan jayanya. Kesemua pelajar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Festival Bahasa 6.0 kali ini dapat berkumpul bersama-sama dalam meraikan majlis penutupan Festival Bahasa 6.0.



## **Penggunaan Bahasa Rancu Dalam Media Sosial Oleh Generasi Z**

**Ditulis oleh: *Muhammad Nabihan Abu Bakar & Siti Nasarah Ismail***

Seiring dengan perkembangan teknologi dan media digital turut merubah landskap atau cara manusia berkomunikasi pada masa kini serta mewujudkan kepelbagaian penggunaan bahasa yang digunakan dalam media sosial. Platform media sosial kini merupakan wadah dalam pembentukan dan penghasilan jenis penggunaan bahasa yang baharu terutamanya yang digunakan oleh Generasi Z. Generasi ini merupakan golongan yang paling kerap sekali menggunakan media sosial, oleh itu lebih banyak kepelbagaian penggunaan bahasa, istilah dan ejaan yang digunakan oleh mereka sepanjang berkomunikasi menggunakan media sosial. Bahasa rancu ialah keadaan bahasa yang tidak teratur dan bercampur aduk. Hal ini berlaku demikian kerana bahasa yang digunakan Generasi Z ialah bahasa yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan seperti sebutan, ejaan serta istilah yang tepat seperti laras tatabahasa, perbendaharaan kata dan sebagainya.

Bahasa rancu juga boleh dikenali sebagai bahasa rojak iaitu penggunaan tulisan yang digunakan secara bercampur aduk sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di dalam media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, TikTok dan juga WhatsApp*. Penggunaan bahasa rancu dan bercampur dalam kalangan Generasi Z di dalam media sosial adalah disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan mengenai penggunaan kosa kata dalam sesuatu bahasa. Penggunaan bahasa rojak disebabkan lemahnya kosa kata dan sukar untuk membina ayat yang gramatis dari segi struktur binaan subjek dan predikat serta ejaan yang tepat.

Selain daripada itu, antara faktor lain yang boleh menyumbang ke arah penggunaan bahasa rojak dalam kalangan Generasi Z ialah sikap sesetengah ibu bapa terlalu mementingkan penggunaan Bahasa Inggeris untuk anak-anak mereka. Terdapat juga pengguna media sosial yang terdiri daripada Generasi Z menyatakan penggunaan Bahasa Inggeris telah ditekankan oleh ibu dan bapa mereka sejak kecil lagi. Seharusnya penekanan diberikan kepada mereka secara seimbang bagi penggunaan Bahasa Melayu serta Bahasa Inggeris. Hal ini berlaku demikian kerana seharusnya pengguna diajar untuk membuat ayat secara penuh dalam sesuatu bahasa yang digunakan, bukan secara rojak. Berhentilah untuk mengajar generasi ini

menggunakan bahasa rojak sebaliknya gunakan satu bahasa pada sesuatu masa kerana sistem kebahasaan setiap bahasa berbeza-beza antara satu sama lain.

Generasi Z juga dilihat selesai menggunakan bahasa rojak dalam media sosial mereka adalah kerana keterbiasaan menggunakan rancu dalam komunikasi harian mereka sehinggakan menjadi biasa menggunakan bahasa rojak dalam pertuturan, maka kebiasaan tersebut berterusan dan sukar untuk dikawal ketika berkomunikasi secara lisan ataupun tulisan. Akibat keterbiasaan berikut dianggap normal dan boleh diterima oleh orang lain maka penggunaan dan gaya penulisan bahasa rancu tersebut dibawa sehingga ke penulisan di media sosial.

Secara kesimpulannya, penggunaan bahasa rancu dalam media sosial dalam kalangan Generasi Z sangat meluas. Bahkan kerancuan bahasa yang digunakan mendatangkan lebih banyak kesan negatif dalam kalangan pengguna di media sosial antaranya dari segi aspek penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris itu sendiri. Pengguna media sosial juga perlu memainkan peranan masing-masing bukan sahaja pada Generasi Z kerana penggunaan bahasa yang baik mencerminkan citra dan imej penulis.

